A

Rezza bin Radzi lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia (Datuk Nurjazlan bin Mohamed) dan lain-lain

B

MAHKAMAH TINGGI (ALOR SETAR) — PERMOHONAN UNTUK SEMAKAN KEHAKIMAN NO 25–09–06 TAHUN 2017
ABU BAKAR KATAR PK
14 NOVEMBER 2018

C

Prosedur Sivil — Semakan kehakiman — Permohonan — Permohonan semakan kehakiman ke atas perintah-perintah Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia ('TMDN') di bawah ss 6(1) dan 7(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ('Akta') — Perintah tahanan — Perintah penggantungan perintah tahanan — Sama ada TMDN bergantung kepada kenyataan pemohon yang tidak ditandatangani sebelum mengeluarkan perintah-perintah — Sama ada responden-responden gagal mematuhi peruntukan s 4(1) dan (5) Akta — Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ss 4(1), (5) & 6(1) — Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 53

D

E

Ini merupakan satu permohonan semakan kehakiman pemohon di bawah A 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM') ke atas keputusan YB Timbalan Menteri Dalam Negeri ('TMDN') yang mengeluarkan perintah tahanan dan perintah penggantungan perintah tahanan ('kedua-dua perintah tersebut') di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ('Akta tersebut'). Pemohon merupakan seorang anggota polis berpangkat konstabel yang telah ditangkap dan ditahan di bawah s 3(1) Akta tersebut. Pemohon menghujahkan bahawa responden-responden gagal untuk mematuhi peruntukan s 4(1) dan (5) Akta tersebut kerana pemohon dalam rakaman percakapan saksinya, sepertimana yang terkandung dalam eksh 'RZ7' tidak menurunkan cap jari atau tandatangan pada setiap helaian percakapannya, dan pegawai penyiasat gagal untuk mengemukakan pernyataan pemohon yang telah dikatakan ditandatangani. Peguam pemohon menghujahkan bahawa TMDN telah bergantung kepada kenyataan yang tidak ditandatangani sebelum kedua-dua perintah tersebut dikeluarkan. Peguam kanan persekutuan menghujahkan bahawa eksh RZ7 merupakan dokumen yang sama di mana percakapan telah diambil secara tulisan tangan dan telah ditaip semula sebagaimana eksh RZ7, namun diakui bahawa terdapat kesilapan di mana eksh RZ7 tidak ditandatangani atau cap jari pemohon sepertimana maksud s 4(5) Akta tersebut. Telah dihujahkan bahawa RZ7 merupakan kenyataan pemohon yang sama dan TMDN telah menimbangkan secara betul apabila mengeluarkan kedua-dua perintah tersebut. Peguam kanan persekutuan juga menghujahkan bahawa semakan kehakiman hanya terhad kepada ketidakpatuhan prosedur dan bukannya membuat prosedur dan juga

F

G

H

I

pemohon terhad kepada cabaran atas perintah semasa iaitu perintah penggantungan perintah tahanan dan bukannya perintah tahanan. A

Diputuskan, membenarkan permohonan pemohon tanpa kos:

(1) Mahkamah perlu melihat kepada peruntukan atau prosedur yang telah pun ditetapkan di bawah Akta tersebut sama ada terdapat pelanggaran oleh responden-responden sebelum mengeluarkan perintah tersebut di bawah s 15 Akta tersebut (lihat perenggan 24). B

(2) Responden-responden mempunyai beban tugas untuk memuaskan mahkamah iaitu semua prosedur atau tatacara yang diperuntukkan di bawah Akta tersebut dipatuhi mengikut undang-undang (lihat perenggan 25). C

(3) Sebelum TMDN membuat perintah di bawah s 6(1) Akta tersebut, beliau perlu menimbangkan kenyataan pemohon yang diekshibitkan sebagai eksh RZ7 yang kini dipertikaikan sama ada menyamai kenyataan yang diambil secara tulisan tangan. Mahkamah tidak berpeluang untuk meneliti sama ada eksh RZ7 menyamai atau benar-benar telah ditulis tangan yang dikatakan telah ditandatangani pemohon disetiap helaian. Kegagalan responden-responden melampirkan salinan rakaman percakapan pemohon yang dikatakan diambil secara tulisan tangan menjejaskan kewujudan RZ7 yang menjadi asas atau pertimbangan TMDN. Mahkamah berpendapat responden-responden gagal untuk mematuhi peruntukan s 4(1) dan (5) Akta tersebut iaitu mengemukakan kenyataan yang ditandatangani atau cap jari oleh pemohon (lihat perenggan 39–45). D E F

(4) Kegagalan responden-responden untuk mengemukakan salinan kenyataan yang dikatakan dirakam secara tulisan tangan, menjejaskan kebenaran RZ7 sama ada ia diberikan oleh pemohon atau keterangan pemohon disediakan oleh pihak polis (lihat perenggan 46). G

(5) Kegagalan ini terjumlah kepada pelanggaran mandatori s 4(1) dan 4(5) Akta tersebut (lihat perenggan 47).

[English summary H

This was the applicant's judicial review application made pursuant to O 53 of the Rules of Court 2012 ('the ROC') on the decision of the Minister of Home Affairs ('MHA') who issued a detention order and an order to suspend the detention order ('the said orders') under the Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) 1985 ('the Act'). The applicant police officer with the rank of constable who was arrested and detained under s 3(1) of the Act the applicant submitted that the respondents had failed to comply with provision s 4(1) and (5) of the Act because the applicant in his recorded witness statement, as contained in exh 'RZ7' did not sign or affix his fingerprint on I

each page of his statement, and the investigating officer failed to produce the applicant's statement which was said to have been signed. Counsel for the applicant submitted that the MHA had relied on the statement which was not signed before the said orders were issued. The senior federal counsel submitted that exh RZ7 was the same document where the statement which was recorded was handwritten and subsequently typed as exh RZ7, however it was admitted that there is an error where exh RZ7 was not signed nor was there the fingerprint of the applicant within the meaning of s 4(5) of the Act. It was submitted that RZ7 was the same statement of the applicant and the MHA had correctly considered when issuing the said orders. The senior federal counsel also submitted that a judicial review is only limited to procedural non-compliance and not to make procedure and further the applicant is also limited to the challenge on the current order namely the order to suspend the detention order and not the detention order.

Held, allowing the applicant's application without costs:

(1) The court has to refer to the provisions or procedure that was already stipulated under the Act whether there was a breach by the respondents before issuing the said orders under s 15 of the Act (see para 24).

(2) The respondents are under an obligation to satisfy the court that all procedures provided under the Act is complied with in accordance with law (see para 25).

(3) Before the MHA made the order under s 6(1) of the Act, he first had to consider the applicant's statement which was exhibited a exh RZ7 which is not contested whether it's the same as per the statement that was taken in handwritten form. The court was not given the opportunity to examine whether exh RZ7 was the same or really in handwritten form which was said to have been signed by the applicant on every page. The failure of the respondents to adduce a copy of the applicant's statement which was said to have been taken in hand written form affected the existence of RZ7 which became the basis or consideration of the MHA. The court is of the view that the respondents failed to comply with provisions of s 4(1) and (5) of the Act which is to produce the statement that was signed or fingerprint affixed by the applicant (see paras 39–45).

(4) The respondent's failure to adduce a copy of the statement that was said to have been recorded in handwritten form, affected the truth concerning RZ7 whether were given by the applicant or the evidence of the applicant was prepared by the police (see para 46).

(5) This failure amounted to a mandatory breach of s 4(1) and 4(5) of the Act (see para 47).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai permohonan semakan kehakiman, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 5937–5949.

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Razak bin Baharudin & Ors v Ketua Polis Negara & Ors and another appeal [2006] 1 MLJ 320; [2005] 4 CLJ 445, MP (dirujuk)

Datuk James Wong Kim Min, Re [1976] 2 MLJ 245; [1976] 1 LNS 129, MP (dirujuk)

L Rajanderan a/l R Letchumanan v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2018] Supp MLJ 393; [2010] 7 CLJ 653, MP (dirujuk)

Lee Kew Sang v Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors [2005] 2 MLJ 631; [2005] 3 CLJ 914, MT (dirujuk)

Mohd Faizal bin Haris v Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors [2006] 1 MLJ 309; [2005] 4 CLJ 613, MP (dirujuk)

Ng Hee Thoong & Anor v Public Bank Bhd [1995] 1 MLJ 281; [1995] 1 CLJ 609, MR (dirujuk)

Ng Hong Choon v Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor [1994] 3 MLJ 285; [1994] 4 CLJ 47, MA (dirujuk)

SK Tangakaliswaran a/l Krishnan v Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2010] 1 MLJ 149; [2009] 6 CLJ 705, MP (dirujuk)

Sathiyamurthi v Penguasa/Komandan, Pusat Pemulihan Karangan, Kedah [2006] 6 MLJ 593; [2006] 4 CLJ 862, MP (dirujuk)

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors v Ong Beng Chuan [2006] 6 MLJ 493; [2006] 4 CLJ 703, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ss 3(1), (2)(c), (3), 4(1), (5), 5(1), (2), (4), 6(1), 7(1), 10(1), 11C(1), 15

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 53, A 53 k 3, Borang 111

Abdul Muhaimin bin Mustafa (Maniam Nair & Co) bagi pihak pemohon.

Siti Hajar (Peguam Kanan Persekutuan, Pejabat Penasihat Undang-Undang) bagi pihak responden-responden.

Abu Bakar Katar PK:

PENGENALAN

[1] Pemohon telah memfailkan permohonan semakan kehakiman di bawah A 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM') ke atas keputusan YB Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia yang mengeluarkan 'Perintah Tahanan' bertarikh 7 Disember 2016 (eksh 'RZ1') di bawah s 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ('Akta tersebut') dan 'Perintah Penggantungan Perintah Tahanan' bertarikh 23 Mac 2017

(eksh 'RZ3') di bawah s 7(1) Akta tersebut.

[2] Pada 19 September 2017, mahkamah ini telah memberikan kebenaran di bawah A 53 k 3 KKM selepas Jabatan Peguam Negara menzahirkan tiada bantahannya. Kemudiannya, pemohon telah memfailkan Borang 111 KKM lampiran (13) pada 27 September 2017.

[3] Mahkamah ini telah mendengar merit permohonan semakan kehakiman ini. Pada 11 April 2018 mahkamah ini telah membenarkan lampiran (13) tanpa kos.

[4] Responden yang terkilan dengan keputusan mahkamah ini telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan, Malaysia. Rayuan ini seterusnya telah didaftarkan sebagai *Mahkamah Rayuan, Malaysia, Rayuan Sivil No K-01(A)-359–05 Tahun 2018.*

LATAR BELAKANG KES

[5] Mahkamah ini berpendapat fakta kes secara terperinci telahpun dibentangkan oleh peguam kanan persekutuan ('PKP') yang mewakili responden-responden dalam hujahan bertulisnya bertarikh 22 Januari 2018.

[6] Pemohon merupakan seorang angota polis berpangkat Konstabel yang bertugas di Balai Polis Alor Setar, Kedah Darul Aman di Bahagian Tugas Am. Pada 12 Oktober 2016 pemohon telah ditangkap dan ditahan di bawah s 3(1) Akta tersebut.

[7] Kemudiannya pada 21 Oktober 2016 Superitendent Polis Helmi bin Aris telah melaporkan hal tangkapan dan penahanan pemohon kepada ACP Goh Lee Fook, Pegawai Kanan Polis yang bertugas sebagai Penolong Pengarah Tahanan, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur.

[8] Seterusnya, setelah mengkaji dan meneliti laporan tersebut, pada 24 Oktober 2016 ACP Goh Lee Fook telah menyediakan laporan hal keadaan tangkapan dan penahanan atas pemohon. Beliau kemudiannya melaporkan perkara tersebut kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri untuk tujuan tahanan bagi mematuhi peruntukan s 3(1) Akta tersebut.

[9] Pada 24 Oktober 2016, Insp Mohd Zulhafiz bin Zainuddin, pegawai penyiasat telah berjumpa pemohon untuk merakamkan percakapan serta mengambil keterangan daripada pemohon. Detektif Kpl Mohd Basri bin Md Noor membantu merekodkan percakapan pemohon dengan menulis isi kandungan rakaman percakapan di atas kertas. Pegawai penyiasat dalam

melengkapkan siasatan, beliau juga merakam percakapan saksi-saksi lain yang mempunyai kaitan dengan penangkapan pemohon.

[10] Hasil daripada siasatan, pihak polis mempunyai keterangan yang mencukupi pemohon terlibat dalam aktiviti mengedar dadah jenis heroin dan jenis syabu yang mengandungi dadah berbahaya methamphetamine.

[11] Selanjutnya, pada 23 November 2016 Insp Mohd Zulhafiz bin Zainuddin telah mengemukakan satu laporan lengkap penyiasatan terhadap pemohon di bawah s 3(3) Akta tersebut kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri dan Pegawai Siasatan Kementerian Dalam Negeri.

[12] Dzul Iswari bin Mohd Jaafar, pegawai siasatan yang dilantk di bawah s 5(1) Akta tersebut telah menerima laporan lengkap penyiasatan berkaitan pemohon pada 23 November 2016.

[13] Pada 1 Disember 2016 pegawai siasatan telah menjalankan siasatan terhadap pemohon di Bilik Gerakan, Bahagian Narkotik, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah, Alor Setar, Kedah Darul Aman selaras dengan peruntukan s 5(2) Akta tersebut. Pegawai siasatan telah mendengar dan menimbangkan keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh pemohon. Setelah meneliti laporan lengkap yang disediakan oleh Insp Mohd Zulhafiz bin Zainuddin berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pemohon berhubung dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya, pegawai siasatan telah menyediakan laporan bertulis kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri. Dalam laporannya telah menyatakan pegawai siasatan berpuas hati terdapat alasan-alasan yang munasabah untuk mempercayai pemohon pernah ada kaitan aktiviti-aktiviti berhubung dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya. Pegawai siasatan kemudiannya pada 2 Disember 2016 telah mengemukakan laporan lengkap kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri bagi mematuhi peruntukan s 5(4) Akta tersebut.

[14] YB Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia ('TMDN') telah menerima laporan mengenai hal penangkapan dan tahanan pemohon daripada pegawai yang ditetapkan di bawah s 3(2)(c) Akta tersebut iaitu ACP Goh Lee Fook pada 24 Oktober 2016. Pada 23 November 2016 TMDN telah menerima laporan lengkap penyiasatan berkaitan aktiviti pemohon daripada Insp Mohd Zulhafiz bin Zainuddin merupakan pegawai penyiasat yang dilantik di bawah s 3(3) Akta tersebut. Selanjutnya pada 2 Disember 2016 TMDN telah menerima laporan yang disediakan oleh pegawai siasatan iaitu Dzul Iswari bin Mohd Jaafar. Setelah meneliti laporan tersebut, TMDN berpuashati pemohon pernah ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan atau melibatkan dengan pengedaran dadah berbahaya.

[15] Selanjutnya TMDN telah mengarahkan pegawainya iaitu Arni bin Suhadat menyediakan perintah tahanan serta alasan-alasan yang atasnya perintah tahanan dibuat dan asas-asas perintah tersebut dibuat. Pemohon berdasarkan keputusan TMDN ditahan selama dua tahun mulai 7 Disember 2016 di Pusat Pemulihan Akhlak, Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan. TMDN telah menurunkan tanda tangan dan mengisi tarikh pada perintah tahanan tersebut manakala pernyataan mengenai alasan-alasan yang di atasnya perintah dibuat dan pengataan-pengataan fakta yang atasnya perintah itu diasaskan terhadap pemohon telah ditanda tangani oleh Arbi bin Suhadat atas arahan TMDN.

[16] Perintah tahanan bertarikh 7 Disember 2016 telah diserahkan dan disampaikan kepada pemohon bersama-sama dengan pernyataan mengenai alasan-alasan yang atasnya perintah dibuat dan pengataan-pengataan fakta yang atasnya perintah itu diasaskan dan juga tiga salinan Borang I (dokumen-dokumen tersebut) oleh Insp Than Jia Jun pada 7 Disember 2016 jam 11.15 malam di lokap Balai Polis Kubur Panjang, Pendang, Kedah Darul Aman. Isi kandungan dokumen-dokumen tersebut telah diterangkan dan difahami oleh pemohon.

[17] Pada 8 Disember 2016 pemohon di bawa dan dihantar ke Pusat Pemulihan Akhlak ('PPA'), Batau Gajah, Perak Darul Ridzuan. Harun bin Awang merupakan Penguasa Penjara dan Pegawai Yang Menjaga PPA, Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan telah berjumpa pemohon pada 9 Disember 2016 dan menerangkan hak-hak pemohon untuk membuat representasi ke Lembaga Penasihat. Isi kandungan perintah tahanan, dokumen-dokumen tersebut dan Borang I telah diterangkan dan pemohon memahami isi kandungannya. Pemohon telah ditanya sama ada ingin menulis representasi dalam Borang I. Pemohon telah memaklumkan tidak berhasrat untuk membuat representasi. Pemohon telah diserahkan dua salinan Borang I dan telah dihantar ke Lembaga Penasihat pada 9 Disember 2016.

[18] Mohd Yusoff bin Kamarudin, Setiausaha kepada Lembaga Penasihat telah mengesahkan menerima Borang I daripada pemohon pada 14 Disember 2016. Tarikh persidangan representasi telah ditetapkan pada 25 Januari 2017 tetapi telah ditangguhkan atas permohonan peguam pemohon yang terlibat dalam perbicaraan di Mahkamah Sesyen Melaka. Lembaga Penasihat telah membenarkan permohonan penangguhan oleh peguam pemohon dan menetapkan tarikh persidangan pada 8 Februari 2017. Borang II yang dikeluarkan oleh Lembaga Penasihat memaklumkan tarikh-tarikh persidangan telah dimaklumkan oleh Kaliapa a/l Kerisma, Warden Penjara di PPA, Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan kepada pemohon.

[19] Pada 8 Februari 2017 representasi oleh pemohon telah didengar oleh

Lembaga Penasihat dalam kehadiran peguam pemohon iaitu En Subramaniam Nair dan Cik Fatin dari Tetuan Maniam Nair & Co serta dibantu oleh En Robert S Gnanarajan dari Tetuan Robert & Associates. Lembaga Penasihat telah mengarahkan Sub Insp Mohd Khairullah bin Osman sebagai pemudah cara kepada pemohon. Pemohon telah memanggil dua orang saksi iaitu Insp Mohd Zulhafiz bin Zainuddin (pegawai penyiasat) dan Insp Sallehudidin bin Amran, Ketua Balai Polis, Alor Setar, Kedah Darul Aman dan pemohon turut memberi keterangan.

[20] Pada 17 Februari 2017 setelah menimbangkan representasi yang dibuat oleh pemohon, Lembaga Penasihat telah membuat syor-syor mengenai representasi pemohon tersebut. Lembaga Penasihat telah mengemukakan syor-syor kepada Yang di-Pertuan Agong menurut peruntukan s 10(1) Akta tersebut. Pada 26 Februari 2017 Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan syor-syor yang dikemukakan oleh Lembaga Penasihat.

[21] Setelah menerima makluman Yang di-Pertuan Agong memperkenankan syor-syor Lembaga Penasihat supaya perintah tahanan pemohon digantung. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, TMDN telah mengeluarkan perintah penggantungan perintah tahanan bertarikh 23 Mac 2017 selaras dengan peruntukan s 7(1) Akta tersebut. TMDN telah memutuskan kuatkuasa perintah tahanan digantung mulai 23 Mac 2017. Pemohon diarahkan melaporkan diri kepada Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Kelantan sebelum jam 11 malam, 23 Mac 2017 untuk menjalani sekatan di Mukim Peringat, Daerah Kota Bharu, Kelantan.

[22] Perintah penggantungan perintah tahanan di bawah s 7(1) Akta tersebut telah diserahkan dan disampaikan kepada pemohon pada 23 Mac 2017 jam 3.15 petang di PPA, Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan oleh ASP Amiruddin bin Masri. Pemohon telah di bawa keluar daripada PPA, Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan pada hari yang sama iaitu pada 23 Mac 2017 untuk menjalani sekatan di Mukim Peringat, Daerah Kota Bharu, Kelantan Darul Naim bagi mematuhi peruntukan s 7(1) Akta tersebut.

MERIT PERMOHONAN OLEH PEMOHON

[23] Sebelum mahkamah ini menyentuh alasan-alasan yang dibangkitkan oleh peguam pemohon yang terpelajar, eloklah mahkamah ini merujuk nas duluan yang memberikan panduan kepada mahkamah ini dalam menggarap kes sebegini iaitu melibatkan kebebasan individu. Mahkamah ini merujuk kes *Sathiyamurthi v Penguasa/Komandan, Pusat Pemulihan Karangan, Kedah* [2006] 6 MLJ 593; [2006] 4 CLJ 862 di mana YA Augustine Paul HMP menyatakan:

Thus in a writ of habeas corpus the question for the court to determine is whether

the person is lawfully detained. If he is, the writ cannot be issued and if he is not, it must be issued (see *R v Home Secretary, Ex parte Greene* [1941] 3 All ER 104). The lawfulness of a detention would depend upon whether the breach complained of is mandatory or directory. A mandatory requirement is one that is of direct relevance to the detention. A breach of it will entitle a person to a writ of habeas corpus without the need to establish prejudice. A breach of a requirement which is directory will not be significant provided that there is substantial compliance and there is no prejudice.

[24] Mahkamah ini perlu melihat kepada peruntukan atau prosedur yang telahpun ditetapkan di bawah Akta tersebut sama ada terdapat perlanggaran oleh responden-responden sebelum mengeluarkan perintah tersebut di bawah s 15 Akta tersebut. Mahkamah ini turut merujuk kes *Re Datuk James Wong Kim Min* [1976] 2 MLJ 245; [1976] 1 LNS 129 di mana Mahkamah Persekutuan membuat pengamatannya:

> Preventive detention is, therefore, a serious invasion of personal liberty. Whatever safeguard that is provided by law against the improper exercise of such power must be zealously watched and enforced by the court. In a matter so fundamental and important as the liberty of the subject, strict compliance with statutory requirements must be observed in depriving aperson of his liberty. The material provisions of the law authorising detention without trial must be strictly construed and safeguards which the law deliberately provides for the protection of any citizen must be liberally interpreted. Where the detention cannotbe held to be in accordance with the procedure established by the law, the detention is bad and the person detained is entitled to be released forthwith. Where personal liberty is concerned an applicant in applying for a writ of habeas corpus is entitled to avail himself of any technical defects which may invalidate the order which deprives him of his liberty.

[25] Responden-responden mempunyai beban tugas untuk memuaskan mahkamah ini iaitu semua prosedur atau tatacara yang diperuntukkan di bawah Akta tersebut ianya dipatuhi mengikut undang-undang. Mahkamah ini bersetuju dan berkongsi pandangan dengan YA Gopal Sri Ram HMP dalam kes *SK Tangakaliswaran a/l Krishnan v Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2010] 1 MLJ 149; [2009] 6 CLJ 705 menyatakan:

> [5] In my considered judgment the point at stake falls to be resolved with reference to the principles governing the burden of proof in an application for habeas corpus. It is settled law that on an application for habeas corpus the burden of satisfying the court that the detention is lawful lies throughout on the detaining authority. See *Chng Suan Tze v The Minister of Home Affairs & Ors and other appeals* [1989] 1 MLJ 69. In *Mohinuddin v District Magistrate, Beed AIR* [1987] SC 1977, the Supreme Court of India observed as follows in the context of art 22 of the Indian Constitution from which is drawn our art 151:
>
> > It is enough for the detainee to say that he is under wrongful detention, and the burden lies on the detaining authority to satisfy the Court that the detention is

not illegal or wrongful and that the petitioner is not entitled to the relief claimed. This Court on more occasions than one has dealt with the question and it is now well-settled that it is incumbent on the State to satisfy the Court that the detention of the petitioner/detainee was legal and in conformity not only with the mandatory provisions of the Act but also strictly in accord with the constitutional safeguards embodied in Art 22(5).

[26] Berbekalkan prinsip-prinsip yang digariskan dalam nas-nas duluan yang dirujuk sebelum ini, mahkamah ini telah menghalusi alasan-alasan yang diketengahkan oleh pemohon bagi mencabar perintah tahanan bertarikh 7 Disember 2016 dan perintah penggantungan perintah tahanan bertarikh 23 Mac 2017. Mahkamah ini telah menghalusi penghujahan peguam pemohon di mana telah mengemukakan enam isu bagi mencabar perintah tahanan bertarikh 7 Disember 2016 dan perintah penggantungan perintah tahanan bertarikh 23 Mac 2017. Walaupun begitu, mahkamah ini hanya menyentuh isu pertama sahaja yang menjadi teras rayuan pihak responden-responden ke Mahkamah Rayuan, Malaysia.

Kegagalan responden-responden untuk mematuhi peruntukan s 4(1) dan (5) Akta tersebut

Penghujahan oleh peguam pemohon yang terpelajar

[27] Secara ringkasnya peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan responden-responden gagal mematuhi peruntukan s 4(1) Akta tersebut dan s 4(5) Akta tersebut. Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan pengambilan percakapan saksi-saksi khasnya pemohon tidak diambil mematuhi peruntukan s 4(5) Akta tersebut.

[28] Peguam pemohon yang terpelajar bergantung kepada eksh 'RZ7' yang dikatakan percakapan yang diberikan oleh pemohon. Percakapan pemohon yang dilampirkan di 'RZ7' tidak mematuhi peruntukan s 4(5) Akta tersebut iaitu pemohon tidak menurunkan tandatangan atau cap jari pada setiap helaian percakapan pemohon. Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan percakapan pemohon inilah yang dijadikan asas TMDN mengeluarkan perintah tahanan di bawah s 6(1) Akta tersebut. Kenyataan di 'RZ7' inilah yang dihantar kepada TMDN bagi maksud s 4(1) Akta tersebut dan kepada pegawai penyiasat mengikut peruntukan s 3(3) Akta tersebut. Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan sama ada 'RZ7' ini merupakan pernyataan yang telah sedia ditaip oleh polis bagi tujuan pengeluaran perintah tahanan oleh TMDN.

[29] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan afidavit yang diikrarkan oleh Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, TMDN secara khususnya

A tidak menyentuh eksh 'RZ7' di mana kenyataan tidak ditandatangani atau diturunkan cap jari oleh pemohon. Peguam pemohon yang terpelajar menarik perhatian mahkamah ini kepada afidavit jawapan yang diikrarkan oleh Insp Mohd Zulhafiz bin Zainuddin yang menyatakan kononnya terdapat pernyataan bertulis yang ditanda tangani oleh pemohon. Sebaliknya, B Insp Mohd Zulhafiz gagal mengemukakan pernyataan pemohon yang dikatakan telah ditanda tangani. Peguam pemohon yang terpelajar selanjutnya menghujahkan sekiranya 'RZ7' berdasarkan pernyataan bertulis yang asal, kenapakah pernyataan bertulis yang asal tidak dikemukakan selepas pemohon mencabarnya. Begitu juga, pegawai siasatan Dzul Iswari bin Mohd Jaafar C dalam afidavitnya gagal melampirkan percakapan pemohon yang kononnya ada tanda tangan pemohon.

[30] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan TMDN tidak boleh bertindak berpandukan 'RZ7' di mana tiada tanda tangan pemohon. D Sehubungan itu TMDN telah bergantung kepada kenyataan yang tidak ditanda tangani oleh pemohon sebelum perintah tahanan bertarikh 7 Disember 2016 dikeluarkan dan selanjutnya perintah penggantungan perintah tahanan bertarikh 23 Mac 2017.

E

[31] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan responden-responden gagal menjawab secara khusus eksh 'RZ7' yang menjadi pertikaian. Beliau merujuk kes *Ng Hee Thoong & Anor v Public Bank Bhd* [1995] 1 MLJ 281; [1995] 1 CLJ 609 sebagai nas sandarannya berkaitan isu F ini.

Penghujahan oleh PKP yang terpelajar

[32] PKP yang terpelajar secara ringkasnya menghujahkan G responden-responden telah mematuhi peruntukan s 4(1) dan 4(5) Akta tersebut. Ekshibit 'RZ7' merupakan dokumen yang sama di mana percakapan telah diambil secara tulisan tangan dan telah ditaip semula sebagaimana 'RZ7'. PKP yang terpelajar mengakui terdapat kesilapan di mana di 'RZ7' tidak ditandatangani atau cap jari pemohon bagi maksud peruntukan s 4(5) Akta H tersebut.

[33] PKP yang terpelajar secara penjang lebar menghujahkan 'RZ7' merupakan kenyataan pemohon yang sama dan TMDN telah menimbangkan secara betul apabila mengeluarkan perintah tahanan bertarikh 7 Disember I 2016 di bawah s 6(1) Akta tersebut.

[34] PKP yang terpelajar menarik perhatian mahkamah ini kepada peruntukan s 11C(1) Akta tersebut yang memperuntukkan semakan kehakiman hanya terhad kepada ketidakpatuhan prosedur. Beliau bergantung

kepada kes *Lee Kew Sang v Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* [2005] 2 MLJ 631; [2005] 3 CLJ 914 di mana tugas mahkamah sekadar menentukan isu ketidakpatuhan prosedur dan bukannya membuat prosedur sebagaimana yang cuba dihujahkan oleh peguam pemohon yang terpelajar.

[35] PKP yang terpelajar turut menghujahkan pemohon terhad kepada cabaran atas perintah semasa iaitu perintah penggantungan perintah tahanan bertarikh 23 Mac 2007 dan bukannya perintah tahanan bertarikh 7 Disember 2016. Beliau merujuk kes-kes *Abdul Razak bin Baharudin & Ors v Ketua Polis Negara & Ors and another appeal* [2006] 1 MLJ 320; [2005] 4 CLJ 445; *Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors v Ong Beng Chuan* [2006] 6 MLJ 493; [2006] 4 CLJ 703; *Mohd Faizal bin Haris v Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* [2006] 1 MLJ 309; [2005] 4 CLJ 613 dan *L Rajanderan a/l R Letchumanan v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2018] Supp MLJ 393; [2010] 7 CLJ 653 sebagai nas-nas sandaran berkaitan penegasannya.

Pendapat mahkamah ini

[36] Mahkamah ini merujuk afidavit sokongan kepada permohonan untuk semakan kehakiman terpinda (lampiran (11)) yang diikrarkan oleh pemohon di mana secara jelas mempertikaikan perintah tahanan bertarikh 7 Disember 2016 dan perintah penggantungan perintah tahanan bertarikh 23 Februari 2017.

[37] Mahkamah ini menyentuh bantahan peguam pemohon yang terpelajar atas ketidakpatuhan peruntukan s 4(1) dan 4(5) Akta tersebut:

> 4(a) Responden Pertama telah bertindak untuk mengeluarkan Perintah Tahanan secara mekanikal tanpa membuat semakan dan atau menggunakan mindanya dengan teliti apabila telah bergantung kepada kononnya satu percakapan (statement) yang dikatakan diambil dari saya oleh pihak Responden Kedua dan Keempat tanpa satu pengesahan atau tanda tangan daripada saya; (Saya lampirkan satu salinan kenyataan bertulis diatas nama saya atau pegawai perakam yang dikemukakan kepada Responden 1 untuk mengeluarkan Perintah Tahanan di bawah Seksyen 6(1) Akta tersebut sebagai RZ7).

[38] Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s 4(1) dan 4(5) Akta tersebut yang berbunyi seperti berikut:

> (1) For the purpose of satisfying the Minister that an order under subsection 6(1) should be made and for the purpose of enabling the Minister to furnish a statement under paragraph 9(2)(b), a police officer making an investigation under this Act may direct any police officer not below the rank of Sergeant to examine orally any person supposed to be acquainted with the facts and circumstances of the case and shall reduce into writing any statement made by the person so examined.

A ...

(5) A statement made by any person under subsection (1) shall bear the date and time of making thereof and shall be signed by the person making it or affixed with his thumbprint, as the case may be, after it has been read to him in the language in which it was made and after he has been given an opportunity to make any corrections he may wish.

B

[39] Mahkamah ini berpendapat sebelum TMDN membuat perintah di bawah s 6(1) Akta tersebut, beliau perlu menimbangkan kenyataan pemohon yang dikatakan dirakam oleh Insp Mohd Zulhafiz bin Zainuddin di Pejabat Balai Polis, Kubur Panjang, Pendang, Kedah Darul Aman pada 24 Oktober 2016 dengan bantuan D/Kpl Mohd Basri bin Md Noor. Mahkamah ini merujuk keterangan pemohon yang diekshibitkan iaitu 'RZ7' mempunyai tujuh muka surat.

C

D

[40] Peguam pemohon yang terpelajar telah mempertikaikan 'RZ7' sama ada menyamai kenyataan yang diambil secara tulisan tangan oleh D/Kpl Mohd Basri bin Md Noor. PKP yang terpelajar dalam hujahannya mengambil pendekatan 'RZ7' walaupun tidak ada tanda tangan atau cap jari pemohon disetiap helaian sebagaimana kehendak s 4(5) Akta tersebut yang dirujuk sebelum ini, ia merupakan kenyataan yang sama yang telah diambil secara tulisan tangan dan ditaip semula menggunakan komputer.

E

F

[41] Mahkamah ini telah merujuk afidavit jawapan yang diikrarkan oleh Insp Mohd Zulhafiz bin Zainuddin (lampiran (22)) yang telah ditugaskan untuk merakam kenyataan pemohon. Beliau dalam afidavit jawapannya menyatakan:

G

8. Seterusnya, saya telah menjalankan tugas saya untuk merakamkan keterangan dan percakapan Pemohon dengan dibantu oleh *DETEKTIF KOPERAL MOHD BASRI BIN MD NOOR.* ... Setelah selesai merakamkan percakapan Pemohon, *DETEKTIF KOPERAL MOHD BASRI BIN MD NOOR* telah menyerahkan kepada saya kertas yang mengandungi catatan isi kandungan rakaman percakapan Pemohon tersebut yang telah ditulis tangan oleh beliau untuk tindakan saya selanjutnya. ... saya telah meminta Pemohon untuk menandatangani setiap helaian rakaman percakapan Pemohon tersebut. Lanjutan daripada itu, Pemohon telah menandatangani disetiap helaian rakaman percakapan Pemohon tersebut dengan rela hati tanpa sebarang paksaan ... Selanjutnya, saya telah menyerahkan semula rakaman percakapan Pemohon yang ditulis oleh *DETEKTIF KOPERAL MOHD BASRI BIN MD NOOR* dan yang telah ditandatangani Pemohon tersebut kepada *DETEKTIF KOPERAL MOHD BASRI BIN MD NOOR* untuk ditaipkan semula ke dalam komputer yang disediakan ...

H

I

[42] Mahkamah ini turut menimbangkan afidavit jawapan yang diikrarkan oleh Detektif Kpl Mohd Basri bin Md Noor (lampiran (23)) berkaitan perkara

yang sama. Beliau di perenggan 7 ada menyatakan:

> 7 ... Saya sesungguhnya menyatakan bahawa salinan rakaman percakapan Pemohon yang telah dilampirkan dan ditandakan sebagai ekshibit 'RZ-7' dalam Afidavit Sokongan Terpinda Pemohon merupakan salinan rakaman percakapan Pemohon yang telah ditaip semula dan dicetak selepas Pemohon menandatangani rakaman percakapan Pemohon yang telah ditulis tangan. Salinan bertaip tersebut sememangnya tiada mengandungi tandatangan saya, tandatangan pemohon dan juga tanda tangan *INSPEKTOR POLIS MOHD ZULHAFIZ BIN ZAINUDDIN* ...

[43] Mahkamah ini berpendapat pemohon telah mencabar sama ada 'RZ7' menyamai rakaman yang diambil secara tulisan tangan oleh D/Koperal Mohd Basri bin Md Noor. Pihak responden-responden dalam afidavit jawapannnya gagal mengemukakan salinan rakaman keterangan pemohon yang dikatakan diambil secara tulisan tangan. Mahkamah ini tidak berpeluang untuk meneliti sama ada 'RZ7' menyamai atau benar-benar telah ditulis tangan oleh D/Kpl Mohd Basri bin Md Noor yang dikatakan pemohon telah menandatanganinya disetiap helaian. Mahkamah ini merujuk kes *Ng Hong Choon v Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor* [1994] 3 MLJ 285; [1994] 4 CLJ 47 secara analogy yang menyentuh permohonan sebegini:

> [4] In a motion for a habeas corpus application which is normally heard on affidavit evidence, the general principal of practice requires that both parties file their affidavits within such time as the court may allow — which is usually two days before the date of hearing. In this case, the last affidavit was filed by the respondents on 24 December 1990, two days before the date fixed for hearing. On the basis of the affidavit evidence, as recorded, and as it stood before the court on 26 December 1990, it could not be disputed that the defect in the respondents' affidavit in failing to specify the actual date on which the report had been submitted to the Minister was fatal on the authority of *Tan Yap Seng v Ketua Polis Negara & Ors*.

[44] Dalam kes *Ng Hong Choon*, pemohon telah ditahan di bawah peruntukan-peruntukan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ('Akta 1985'). Pemohon telah memohon untuk suatu writ habeas corpus. Salah satu daripada afidavit yang difailkan bagi pihak responden iaitu PPKP Osman bin Awal menyatakan telah menerima laporan mengenai penangkapan dan penahanan pemohon dan kemudiannya memaklumkan kepada YB Menteri. Peguam pemohon menghujahkan bahawa s 3(2)(c) Akta 1985 tidak dipatuhi dan responden gagal memaklumkan kepada YB Menteri 'dengan serta-merta'. Responden gagal memfailkan afidavit bagi menyatakan tarikh laporan diserahkan dan kegagalan ini memihak kepada pemohon iaitu peruntukan s 3(2)(c) Akta 1985 gagal dipatuhi oleh responden. Selanjutnya Mahkamah Agong (pada ketika itu) memutuskan seperti berikut:

A [10] Akibatnya berhubung dengan afidavit keterangan asal, peruntukan s 3(2)(c) Akta tersebut tidak dipatuhi dan oleh yang demikian perintah penahanan yang dikeluarkan oleh Menteri pada 14 Julai 1990 berhubung dengan pemohon adalah tidak sah.

B **[45]** Berbalik kepada kes pemohon sekarang, mahkamah ini berpendapat kegagalan responden-responden melampirkan salinan rakaman percakapan pemohon yang dikatakan diambil secara tulisan tangan menjejaskan kewujudan 'RZ7' yang menjadi asas atau pertimbangan TMDN di bawah s 6(1) Akta tersebut sebelum membuat perintah tahanan bertarikh 2 Disember C 2016. Mahkamah ini berpendapat responden-responden gagal mematuhi peruntukan s 4(1) dan 4(5) Akta tersebut iaitu mengemukakan kenyataan yang ditanda tangani atau cap jari oleh pemohon.

[46] Mahkamah ini berpendapat kegagalan responden-responden D mengemukakan salinan kenyataan yang dikatakan dirakam secara tulisan tangan, ia menjejaskan kebenaran 'RZ7' sama ada ia diberikan oleh pemohon atau keterangan pemohon disediakan oleh pihak polis. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam pemohon yang terpelajar yang menyatakan:

E Kesemua afidavit Pegawai Penyiasat dan pembantunya Detektif Koperal Mohd Basri tidak dapat membantu pihak Responden terhadap alegasi spesifik klien kami secara khusus iaitu Pemohon tidak menandatangani 'statement'/pernyataan bertulis tangan yang telah kami cabar perkara itu. Melainkan jika 'statement'/pernyataan bertulis tangan dieksibitkan, Mahkamah tidak boleh membuat andaian dan anggapan kononnya 'statement' itu wujud.

F

[47] Mahkamah ini berpendapat kegagalan ini terjumlah kepada perlanggaran mandatori peruntukan s 4(1) dan 4(5) Akta tersebut. Sebaik 'RZ7' dicabar dan dipertikaikan oleh pemohon, terdapat keraguan sama ada G TMDN secara betulnya menimbangkan keperluan s 6(1) Akta tersebut sebelum mengeluarkan perintah tahanan bertarikh 2 Disember 2016.

KESIMPULAN

H **[48]** Berdasarkan alasan-alasan yang diperincikan di atas, mahkamah ini berpendapat responden-responden gagal mematuhi peruntukan s 4(1) dan 4(5) Akta itu dan ia menjejaskan perintah tahanan bertarikh 2 Disember 2016 dan selanjutnya perintah penggantungan perintah tahanan bertarikh 23 Mac 2017.

I **[49]** Mahkamah ini sedar apabila melibatkan kebebasan individu, mahkamah perlu mengambil pendekatan yang ketat sebagaimana yang dizahirkan dalam penghakiman kes *Ng Hong Choon* seperti berikut:

Laws which deprive the subjects of their rights to personal liberty are subject to strict

construction in the same way as penal laws — see *Nagin Singh v Jagannath* AIR 1944 Lah 422. It is a recognised principle of interpretation that laws which encroach on the rights of the subject should be construed in conjunction with laws which guarantee the subjects' fundamental rights to freedom — in our instant case art 5 of the Federal Constitution — and whenever possible to be so construed as to afford respect and recognition of such right — *Walsh v Sec of State for India* [1863] 10 HLC 367 in particular at p 386 per Lord Westbury LC. The power under the restrictive laws can only be exercised in accordance with the procedure laid down by the law — *State of UP v Lalai Singh Yadav* [1977] CLR (SC) 121; and in the event of any failure to conform to such procedure, the court may construe it in favour of the subjects' liberty. See *Tan Hoon Seng v Minister for Home Affairs, Malaysia & Another* [1990] 1 MLJ 171. The need to conform strictly to procedure has been expressed by Lee Hun Hoe CJ Borneo in *Re Datuk James Wong Kim Min* [1976] 2 MLJ 245 in the following term: In a matter so fundamental and important as the liberty of the subject, strict compliance with statutory requirements must be observed in depriving a person of his liberty. The material provisions of the law authorising detention without trial must be strictly construed and safeguards which the law deliberately provides for the protection of any citizen must be liberally interpreted. Where the detention cannot be held to be in accordance with the procedure established by the law the detention is bad and the person detained is entitled to be released forthwith. On the basis of the aforementioned authorities on strict interpretation.

[50] Mahkamah ini membenarkan permohonan pemohon di lampiran (13) tanpa kos.

Permohonan pemohon dibenarkan tanpa kos.

Dilaporkan oleh Izzat Fauzan